

FEUDAL

1973

KUALA LUMPUR, 9 JUN (BERNAMA) -- KEMUNDURAN ORANG MELAYU BUKANLAH KERANA SISTEM FEUDAL TETAPI KERANA MEREKA SENDIRI YANG MERENDAHKAN DIRI KEPADA GOLONGAN PEMERENTAH.

ORANG MELAYU TIDAK POLEH MENYALAHKAN SISTEM FEUDAL ITU TETAPI SEBALIKNYA HENDAKLAH BERFIKIR DAN BERUSAHA BAGI MENGHADAPI KEMUNDURAN MEREKA.

DEMIKIAN MENURUT PENDAPAT TIGA ORANG AHLI PANEL DI MAJLIS FORAM MENGENAI +FEUDALISMA DAN KEMUNDURAN ORANG MELAYU+ ANJURAN PERSEKUTUAN BAHASA MELAYU UNIVERSITI MALAYA DI UNIVERSITI ITU MALAM TADI.

MEREKA IALAH SENATOR DR. MAHATHIR BIN MOHAMED, SEORANG PENSYARAH UNIVERSITI KEBANGSAAN, DR. MOHAMAD GHAZALI DAN SETIAUSAHA SURUHANJAYA PILIHANRAYA, ENCIK HASSAN IBRAHIM.

DR. MAHATHIR BERPENDAPAT MELALUI SISTEM FEUDAL YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA INI, ORANG MELAYU MEMPUNYAI BANYAK HAK ISTIMEWA.

TETAPI MEREKA TIDAK MENGETAHUI ATAU TIDAK TAHU MENGGUNAKAN HAK ISTIMEWA SERTA PELUANG-PELUANG YANG DISEDIAKAN MELALUI SISTEM TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 1304/YF

FEUDAL 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, SISTEM FEUDALISMA TIMBUL DARI KEADAAN MASYARAKAT YANG MENGHADAPI SISTEM ITU SENDIRI.

BELIAU BERPENDAPAT TIDAKLAH DAPAT DIKATAKAN BAHAWA SISTEM ITU MENYEBABKAN KEMUNDURAN RAKYAT DI SESEBUAH NEGARA YANG MENGAMALKANNYA.

DR. MAHATHIR MENGAMBIL CONTOH JEPUN YANG TEBAL MENGANUTI SISTEM FEUDALISMA, TETAPI TELAH MENCAPAI KEMAJUAN YANG PESAT DALAM SEMUA BIDANG.

+OLEH ITU, KITA TIDAK DAPAT MENYALAHKAN SISTEM YANG DIAMALKAN OLEH SESEBUAH NEGARA TETAPI APA YANG PERLU IALAH MERENUNGAN SUPAYA SISTEM ITU BERJALAN DAN DILAKSANAKAN DENGAN JUJUR.+

DR. GHAZALI PULA BERPENDAPAT BAHAWA SISTEM FEUDAL BELUM BOLEH DIKATAKAN MENJADI PUNCA KEMUNDURAN ORANG MELAYU KERANA SISTEM ITU SENDIRI TIDAK BERTUJUAN UNTUK MENYUSAHKAN ORANGRAMAI TETAPI BERGANTUNG KEPADA BAGAIMANA IA DILAKSANAKAN.

ORANG MELAYU ADALAH BERUNTUNG KERANA MEREKA MEMPUNYAI BANYAK HAK ISTIMEWA MELALUI SISTEM FEUDALISMA YANG DIAMALKAN OLEH MALAYSIA SEKARANG.

KATANYA TERPULANGLAH KEPADA ORANG MELAYU SENDIRI BAGAIMANA MEREKA SEHARUSNYA MENGGUNAKAN HAK ISTIMEWA ITU DENGAN MENGAMBIL PELUANG UNTUK MEMAJUKAN DIRI.--BERSAMBUNG 1325/MM

536:

FEUDAL 3 KUALA LUMPUR

ENCIK HASSAN IBRAHIM BERKATA PARA MAHASISWA YANG TELAH MENDAPAT FAEDAH DARI SISTEM FEUDALISMA HARUSLAH BERUSAHA MEMBERITAHU RAKYAT BAGAIMANA SISTEM ITU BOLEH MEMBERI FAEDAH KEPADA ORANGRAMAI.

PARA MAHASISWA JUGA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MELAKSANAKANNYA DENGAN JUJUR DAN MEMBERITAHU ORANGRAMAI TENTANG PELUANG-PELUANG YANG ADA UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN.

SEORANG LAGI AHLI PANEL, DR. SYED HUSSEIN ALI, KETUA JABATAN PENGAJIAN SOSIOLOGI UNIVERSITI MALAYA BERKATA FEUDAL ADALAH PENJELMAAN DARI SATU SISTEM DIMANA SEGOLONGAN KECIL ORANG MEHEKAN RAKYAT YANG LAIN.

GOLONGAN FEUDAL INI BUKAN SAJA MEMERENTAH ORANG ATAU GOLONGAN RAKYAT TETAPI JUGA MENINDAS MEREKA DENGAN TUJUAN UNTUK DAPAT MENERUSKAN KEKUASAANNYA.

SISTEM INI MENJADI KUAT KERANA SIFAT RENDAH DIRI ORANG MELAYU SENDIRI YANG SEDIA MENERIMA ATAU MEMATUHI ORANG-ORANG YANG DIBERI KUASA.-BERNAMA 1330/MM